

# Dua kapal tangki asing ditahan

S. Harian 9/8/2020

MIS 27


**KOTA TINGGI** - Agensi Penguatankuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Tanjung Sedili menahan dua buah kapal tangki asing di perairan Johor timur dekat sini kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Tanjung Sedili, Kepten Maritim Mohd Zulfadli Nayan berkata, kapal ronda APMM mengesan kedua-dua kapal tangki itu sedang merapat antara satu sama lain pada jam 10.10 pagi dalam keadaan mencurigakan pada kedudukan lebih kurang 8.9 batu nautika timur Tanjung Penawar.

Beliau berkata, pemeriksaan dokumentasi mendapati kedua-dua kapal berkenaan didaftarkan di Malabo, Equatorial Guinea.

"Kapal itu gagal mengemukakan polisi insurans dan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 361(1) dan Ordinan Perkapalan Saudagar (OPS) 1952 Seksyen 338A (3) kerana tiada dokumen berkaitan polisi insurans maritim," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, pemeriksaan APMM kemudian mendapati kedua-dua kapal tangki berkenaan dikendalikan oleh semua lelaki warga Indonesia iaitu sebuah kapal dikendalikan enam lelaki berumur antara 24 hingga 47 tahun manakala sebuah lagi dikendalikan la-



APMM menahan dan melakukan pemeriksaan terhadap dua kapal tangki asing pada kedudukan 8.9 batu nautika timur Tanjung Penawar, Kota Tinggi semalam.

pan lelaki berumur lingkungan 30 hingga 44 tahun.

Beliau berkata, kedua-dua kapal tersebut juga melakukan kesalahan di bawah Seksyen 491B(1)(l) OPS 1952 kerana berlabuh tanpa pemakluman Jabatan Laut Malaysia.

"Kesalahan itu boleh dikenakan denda RM200,000 hingga RM500,000 bagi setiap kesalahan di bawah Seksyen 338A(3) dan Seksyen 361(1) OPPS 1952 serta denda RM20,000 hingga RM100,000 bagi Seksyen 491B(L) OPS 1952," katanya.

Katanya, APMM sentiasa memandang serius isu pematuhan undang-undang dan tindakan sewajarnya akan diambil bagi memastikan kesejahteraan perairan negara khususnya di timur Johor.